

YB Dato' Seri Idris bin Jusoh
Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P Putrajaya

JEMPUTAN PELANCARAN *GLOBAL MOBILITY PROGRAM : THE JUKEBOX CONCEPT*

Saya mendoakan semoga YB Dato' Seri dan keluarga berada dalam keadaan sihat walafiat hendaknya.

2. Sukacita saya bagi pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ingin menjemput YB Dato' Seri untuk hadir bagi merasmikan Majlis Pelancaran *Global Mobility Program : The Jukebox Concept* pada **24 November 2016, Khamis jam 9.30 pagi, bertempat di Dewan Azman Hashim, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur.**

3. Sebagai makluman YB Dato' Seri, pelaksanaan Program *Global Mobility : The Jukebox Concept* ini adalah salah satu daripada program kerjasama antara kampus iaitu diantara Malaysia-Japan International Institute of Technology Universiti Teknologi Malaysia dengan Universiti Tsukuba, Jepun. Untuk makluman YB Dato' Seri, majlis menandatangani perjanjian persefahaman bagi perlaksanaan inisiatif tersebut telah disempurnakan oleh kedua-dua universiti pada 19 September 2016 yang lalu bertempat di Tsukuba, Jepun.

4. Bersama ini disertakan atur cara majlis perasmian untuk rujukan YB Dato' Seri. Di atas keprihatian YB Dato' Seri untuk hadir dan seterusnya merasmikan majlis ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang benar,

PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR
Naib Canselor

**MAJLIS PELANCARAN GLOBAL MOBILITY PROGRAM
- THE JUKEBOX CONCEPT**

Tarikh : 24 November 2016, Khamis

Masa : 9.30 pagi – 12.30 tengahari

Tempat : **Dewan Azman Hashim, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur dan University of Tsukuba,
Japan (secara Video Conferencing)**

Aturcara

- 9.00 pagi : Ketibaan Jemputan
- 9.25 pagi : Ketibaan YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM
- 9.30 pagi : Ketibaan YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia
- 9.35 pagi : Lagu Negaraku
- : Taklimat Keselamatan
- : Bacaan Doa
- 9.45 pagi : Ucapan Aluan oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar
- 9.50 pagi : Pembentangan 1 : Campus In Campus (CiC) Program – The Jukebox Concept oleh wakil daripada University of Tsukuba (UT), Jepun
- 10.10 pagi : Pembentangan 2 : MJIT Global Mobility Program oleh YBhg Prof. Dr Ezzat Chan bin Abdullah, Timbalan Dekan (Akademik), Malaysia-Japan International Institute of Technology UTM
- : Ucapan dan pelancaran oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh
- : Persembahan Montaj
- : Penyampaian Cenderamata
- 11.00 pagi : Jamuan Ringan
- : YB Menteri Pendidikan Tinggi meninggalkan majlis
- 11.30 pagi : Pembentangan 3: Joint Degree Program Between UT and UTM oleh wakil daripada University Tsukuba
- 11.50 pagi : Pembentangan 4: Malaysia University Consortium (MUC) oleh Y.Bhg Prof. Dr. Rose Alinda binti Alias, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM
- 12.10 tengahari : Makan Tengahari
- 12.30 tengahari : Selesai

Pakaian : Pakaian kerja/Lounge Suit